

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PENYELARASAN SERAGAM SEKOLAH MASIH DALAM PENELITIAN,
TIADA PERUBAHAN PADA SESI PERSEKOLAHAN 2026**

Kementerian Pendidikan (KPM) ingin menjelaskan bahawa penyelarasan pakaian seragam sekolah masih berada diperingkat kajian. Keputusan akhir hanya akan dibuat selepas penelitian rapi semua aspek berkaitan untuk pelaksanaan pada Sesi Persekolahan Tahun 2027.

Justeru, tiada perubahan pada pakaian seragam sekolah murid untuk sesi persekolahan pada tahun ini. KPM memberi jaminan bahawa sebarang keputusan mengenainya akan dimaklumkan lebih awal kepada ibu bapa dan semua pihak berkepentingan.

Cadangan penyelarasan pakaian seragam sekolah bertujuan untuk mewujudkan kebersamaan dan semangat perpaduan dalam kalangan murid. Ia dapat menangani isu beban kewangan persediaan persekolahan yang dihadapi ibu bapa.

TAMAT

**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
2 JANUARI 2026**